www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
7 Rabiulawal 1444 / 3 Oktober 2022

1. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 268 kes sehari, berbanding dengan 210 kes sehari pada minggu sebelumnya. Sebanyak 45,365 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 4.1% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 4 dan 5 iaitu kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan memerlukan bantuan oksigen.

ii) Sehingga kelmarin, 02 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.5%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.5%** juga telah mendapatkan dos keempat.

iii) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solehin. Al Fatihah. (*Bacaan Surah Al-Fatihah*).

2. Pada hari ini, sebanyak **305 kes baru** telah dilaporkan iaitu 304 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 110 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kementerian ini dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam akan menjalankan satu kajiselidik iaitu Kajiselidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali ke Tiga *(3rd National Health and Nutritional Status Survey, NHANSS)* yang bertujuan untuk memastikan kelaziman *(prevalence)* dan tren penyakit-penyakit tidak berjangkit *(NCD)* serta faktor-faktor risikonya di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya faktor-faktor risiko yang berkaitan dengan pemakanan. Kajiselidik ini mengandungi dua fasa yang mana fasa pertama akan bermula pada Oktober 2022 sehingga Januari 2023 dan akan memfokus kepada faktor-faktor risiko umum di kalangan orang dewasa yang berumur di antara 18 hingga 69 tahun. Sementara itu, fasa kedua yang akan diadakan pada bulan Februari hingga Mei 2023 akan menyasarkan isu-isu berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak dan wanita mengandung. Bagi kedua-dua fasa ini, penyelidik terlatih akan mengunjungi rumah-rumah yang terpilih di keempat-empat daerah untuk menemubual ahli keluarga yang terpilih dan menjalankan pemeriksaan tertentu. Orang ramai yang terpilih adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama bagi menjayakan kajiselidik ini, yang diharap akan dapat membantu Kementerian Kesihatan menilai keberkesanan strategi-strategi dan program-program kesihatan yang disediakan di negara ini,

khususnya dalam usaha pihak Kerajaan mencegah kematian pramatang akibat penyakit-penyakit tidak berjangkit *(NCD)*.

4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Rabiulawal 1444H / 03 Oktober 2022